



**KENYATAAN MEDIA**  
**SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19**  
**DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**14 Ramadhan 1441 / 08 Mei 2020**

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Jumaat, 14 Ramadhan 1441H bersamaan 08 Mei 2020M, Alhamdulillah, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang.**
  
2. Kementerian Kesihatan masih giat menjalankan penyiasatan lanjut untuk mengenalpasti punca jangkitan dan mengesan kontek-kontek bagi Kes 139, 140 dan 141. Setakat ini seramai 114 kontek kes telah menjalani ujian SARS-CoV-2 di mana 103 daripadanya telah disahkan negatif. Sebagaimana yang dinyatakan semasa sidang media semalam, penyiasatan kes menunjukkan ketiga-tiga kes ini telah dijangkiti virus SARS-CoV-2 pada bulan Mac 2020 dan pada masa ini pesakit-pesakit tersebut tidak mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan.

3. Sementara itu, **satu kes** disahkan sembuh dari COVID-19 pada hari ini, menjadikan **jumlah keseluruhan yang telah sembuh seramai 132 orang**. Oleh yang demikian, jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini ialah seramai **8 kes**. Daripada jumlah tersebut, 2 daripadanya masih dalam keadaan kritikal. Walau bagaimanapun, hanya seorang sahaja yang masih memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* dan mesin pernafasan, manakala seorang lagi kini hanya memerlukan bantuan mesin pernafasan sahaja. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.
4. Pada ketika ini, seramai **131 orang** sedang menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 manakala jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kurantin ialah seramai **2,575 orang**.
5. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 362 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 15,300 ujian.

6. Seterusnya, Kementerian Kesihatan telah mendapat maklumat mengenai beberapa kejadian diskriminasi dan berita palsu yang tular yang melibatkan pesakit-pesakit COVID-19, samada yang telah sembah atau yang baru disahkan dijangkiti, atau diskriminasi berkaitan dengan tempat mereka berkerja. Di kesempatan ini, Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan orang ramai untuk tidak mendiskriminasi mana-mana pesakit atau bekas pesakit dan sesiapa yang ada kaitan dengan mereka, termasuk tempat mereka berkerja. Kejadian-kejadian seperti ini tidak sepatutnya terjadi bahkan sebaliknya, orang ramai harus mendoakan kesejahteraan dan kesembuhan mereka dari penyakit COVID-19.

7. Sementara itu, orang ramai adalah juga dinasihatkan untuk tidak mudah terpedaya dan percaya akan maklumat-maklumat dan berita yang disebarluaskan melalui Internet atau melalui media-media lain seperti Whatsapp, Twitter dan Facebook tanpa memastikan kesahihannya. Orang ramai juga diperingatkan untuk lebih bertanggungjawab dan tidak turut menyebarluaskan sebarang perkara yang tidak disahkan oleh Kementerian Kesihatan. Perbuatan menyebarkan maklumat tidak sahih, apatah lagi yang palsu dan direka oleh mereka yang semata-mata berniat untuk mengelirukan adalah menjadi kesalahan dan boleh dilaporkan di bawah perundangan Akta Ketenteraman Awam, Penggal 148 (Public Order Act, Cap 148) Seksyen 34, iaitu sesiapa yang sama

ada menggunakan lisan atau tulisan atau menggunakan sebarang cara, menyebarkan laporan yang salah atau membuat kenyataan yang salah, yang menyebabkan ketenteraman awam terganggu boleh dipenjara tiga tahun dan denda sebanyak BND3,000.

8. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

**Selamat menunaikan ibadah puasa. Dan marilah kita sama-sama berdoa semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala memberikan kesembuhan kepada semua pesakit terutama sekali yang berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan semoga kita semua mendapat keberkatan serta segala amalan kita di terima dibulan yang mulia ini. Aamiin**

**Aamiin Ya Rabbal Alamiin**

**- TAMAT -**

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 14 Ramadhan 1441H / 08 Mei 2020